

Hari Keluarga KEKAUMAS 2018 meriah

NST 16.8.2018 7

KOTA KINABALU: Hari Keluarga Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS) 2018 yang berlangsung di Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini meriah dengan pelbagai acara menarik disediakan kepada peserta bersama ahli keluarga.

Menurut Pengarah Program, Salmiah Teribit, program Hari Keluarga itu merupakan aktiviti yang dirancang untuk semua ahli KEKAUMAS bersama keluarga masing-masing bertujuan merapatkan lagi hubungan silaturahim dan saling mengenali sesama keluarga ahli KEKAUMAS yang lain.

"Kita sangat bertuah kerana program ini mendapat penyertaan yang menggalakkan di samping keadaan cuaca yang baik membolehkan setiap acara berlangsung dengan lancar," katanya.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Juniezam Juka ketika mewakili Pendaftar UMS, No'man Hj. Ahmad ke program tersebut berkata, penganjuran Hari Keluarga KEKAUMAS merupakan salah satu wadah untuk mengeratkan jalinan kekeluargaan sesama ahli, dan pujian harus diberikan kepada ahli jawatankuasa program atas usaha merasiasikan penganjuran program tersebut.

"Diharapkan ahli-ahli KEKAUMAS akan terus bersatu hati dan mengembang tenaga untuk memajukan diri serta menjaga nama baik kesatuan demi kecemerlangan universiti yang kita sayangi ini."

"Tahniah juga kepada semua ahli yang hadir bersama keluarga masing-masing untuk memeriahkan lagi program ini, semoga anda semua

bergembira dalam menyertai pelbagai acara menarik dengan hadiah-hadiah yang lumayan," ujar Juniezam.

Pada acara tersebut, keluarga Hj. Manap Hj. Jainudin yang merupakan pesara UMS menerima 'hadiah misteri' selepas dinobatkan sebagai keluarga paling sporting dengan penyertaan ahli keluarga yang teramai serta menjadi pasukan terbaik dalam semua permainan.

Program itu turut menyaksikan penyampaian sumbangan kebajikan oleh Juniezam kepada ahli yang bersalin dan ahli yang ditimpah musibah, selain sumbangan kepada ahli yang telah bersara serta hadiah kepada para pemenang setiap acara.

Hadir sama, Presiden KEKAUMAS, Abdul Jalil Sapli dan Mantan Presiden KEKAUMAS, Amat Jutrah Hj. Musnih.



SAMPAIKAN...Juniezam (kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesara UMS, Hj Manap Hj Jainudin.



KENANGAN... Para peserta Hari Keluarga KEKAUMAS 2018 merakamkan gambar kenang-kenangan di Pantai ODEC, UMS